



ALLIANCE BANK ALLIANCE ISLAMIC BANK

BizSmart® SME Solution

Terma dan Syarat Tawaran Produk

(Versi 11 – Dikemas kini pada Jul 2023)

Tawaran Produk

1. Tawaran produk “BizSmart® SME Solution” (“Tawaran ini”) ini yang dibawakan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan subsidiarinya Alliance Islamic Bank Berhad, yang dirujuk secara kolektif sebagai (“Bank”), akan berlangsung mulai 1 Julai 2016.

Kelayakan

2. Tawaran ini hanya terbuka untuk pelanggan bukan individu yang berikut:
 - a. Semua pelanggan SME dan syarikat pemilikan tunggal yang baharu dan sedia ada* (dirujuk secara kolektif sebagai “Pelanggan yang Layak”);
3. Untuk melayakkan diri bagi menyertai Tawaran ini, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi kriteria berikut:
 - a. Mempunyai Akaun Semasa Perniagaan konvensional dengan Bank, termasuklah Akaun Semasa Perniagaan dengan kemudahan Overdraft dan/atau Akaun Semasa Perniagaan Islam, termasuklah Akaun Semasa Perniagaan Islam dengan Overdraft (dikenali secara kolektif sebagai “Akaun Semasa yang Layak”);

(Nota: Savelink tidak layak untuk Tawaran ini.)

- b. Daftarkan Modul Transaksi Alliance BizSmart® dengan BizSmart® SME Solution.

BizSmart® SME Solution

4. Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi SATU daripada syarat berikut untuk terus menikmati manfaat BizSmart® SME Solution secara bulanan, sebagaimana yang ditetapkan pada Jadual 1 di bawah (“Jadual 1”):

Jadual 1: Manfaat BizSmart® SME Solution

Jenis Perniagaan	SME	SYARIKAT PEMILIKAN TUNGGAL
<i>Fi Langganan Bulanan*</i>	PERCUMA	PERCUMA
<i>Fi Transaksi*</i>	PERCUMA	PERCUMA
<i>Token Keselamatan*</i> (Token Mudah Alih dan Token Perkakasan)	Dikecualikan bagi 2 unit Token Mudah Alih RM70 bagi setiap Token Keselamatan tambahan	Dikecualikan bagi 1 unit Token Mudah Alih RM70 bagi setiap Token Keselamatan tambahan
<i>Fi Pembaharuan Sijil Digital Tahunan bagi Token Keselamatan</i>	Dikecualikan untuk tahun pertama; RM50 tahunan bagi setiap unit	Dikecualikan untuk tahun pertama; RM50 tahunan bagi setiap unit
<i>Notifikasi Benefisiari (Notifikasi SMS dan E-mel)</i>	PERCUMA	PERCUMA
<i>Nikmati Fi Bulanan dan Transaksi PERCUMA dengan memenuhi salah SATU syarat berikut:</i>		
<i>Transaksi e-Pembayaran Minimum ATAU</i>	10 Transaksi e-Pembayaran	10 Transaksi e-Pembayaran
<i>Tiada penjelasan cek yang diterbitkan* ATAU</i>	Tiada cek	Tiada cek

Komitmen Deposit Minimum ATAU Penggunaan Overdraft Minimum	RM50,000	RM30,000
---	----------	----------

Nota:

- *Fi Bulanan dan Fi Transaksi akan dikenakan pada bulan yang berikut, sekiranya Transaksi e-Pembayaran minimum, Komitmen Deposit Purata Bulanan minimum ATAU Penggunaan Overdraft Bulanan minimum tidak dipenuhi.*
 - *Fi Transaksi PERCUMA termasuklah pembayaran tunggal (Intrabank, Interbank GIRO, DuitNow Transfer, JomPAY), pembayaran berbilang (Gaji, Pembayaran Pukal kepada Pembekal, LHDN, KWSP dan SOCSO), dan/atau pembayaran berulang (Pembayaran Bil, Pembayaran Balik Pinjaman, Pembayaran Kad Kredit) sahaja. Fi dan caj tambahan akan dikenakan untuk Kiriman Wang (RENTAS dan Pemindahan Asing Telegraf) dan perkhidmatan pengutipan.*
 - *Pelanggan yang Layak yang memerlukan Token Keselamatan tambahan boleh membeli ia daripada Bank dan fi pembaharuan Sijil Digital Tahunan akan dikenakan bagi setiap Token Keselamatan tambahan yang dibeli.*
 - *Syarat tiada penjelasan cek yang diterbitkan hanya terpakai untuk pelanggan sedia ada yang telah menerbitkan cek dalam bulan Disember 2018 dan sebelumnya.*
5. Transaksi e-Pembayaran Minimum akan dikira secara bulanan, berdasarkan transaksi yang berjaya dilaksanakan sahaja. Semua jenis transaksi e-pembayaran akan dimasukkan dalam pengiraan tersebut.
6. Komitmen Baki Deposit Purata Bulanan DAN Penggunaan Kemudahan Overdraft Purata Bulanan akan dikira secara bulanan, berdasarkan formula pengiraan berikut:

Jumlah baki penutup harian dalam Akaun Semasa yang Layak bagi bulan berkenaan
$= \frac{\text{Bilangan hari dalam bulan berkenaan}}{\text{Bilangan hari dalam bulan berkenaan}}$

Fi & Caj

7. Berhubung dengan Fi & Caj, Pelanggan yang Layak mengakui dan menerima bahawa:
- Pelanggan yang Layak yang tidak memenuhi mana-mana satu syarat BizSmart® SME Solution sebagaimana ketetapan dalam Jadual 1, akan dikenakan Fi Bulanan dan Fi Transaksi dalam bulan yang berikutnya, sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 2.*
 - Sebarang pembelian Token Keselamatan tambahan dan Fi Sijil Digital Tahunan bagi setiap Token Keselamatan tambahan yang dibeli akan dikenakan menurut Jadual 2 di bawah.*

Jadual 2: Perincian Fi & Caj

<u>Fi Langganan Bulanan & Fi Transaksi Standard</u>		
Fi Langganan Bulanan bagi SME dan entiti bisnes yang lain – Modul Transaksi		RM30.00
Fi Langganan Bulanan bagi Syarikat Pemilikan Tunggal – Modul Transaksi		RM5.00
Fi Transaksi bagi Interbank GIRO		RM0.10
Fi Transaksi bagi setiap rekod individu untuk pembayaran gaji dan pembayaran pukal	Intrabank	RM0.30
	Interbank GIRO (IBG)	RM0.50
Token Keselamatan (Token Mudah Alih dan Token Perkakasan) Tambahan	setiap token	RM70.00
Fi Sijil Digital Tahunan bagi Token Keselamatan tambahan	setiap Sijil Digital bagi setiap Token Keselamatan	RM50.00

8. Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank adalah tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang (sekiranya ada) yang mungkin dikenakan menurut undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan cukai tersebut pada masa akan datang dan bila-bila berkenaan, Bank berhak menuntut cukai tersebut daripada Pelanggan.

Am

9. Bank mempunyai hak mutlak untuk mengubah salah satu atau lebih Fi & Caj yang terkandung di sini bagi Tawaran ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak.
10. Kelayakan dan/atau manfaat yang tidak digunakan di bawah dan/atau berhubung dengan Tawaran ini tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga, tidak boleh dibawa ke bulan yang berikutnya dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, cek atau item bukan wang yang lain.
11. Dengan menyertai Tawaran ini, Pelanggan yang Layak bersetuju sepenuhnya untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini termasuklah sebarang penambahan, pengeluaran, pindaan atau pengubahan terhadapnya (“Terma”) dan dengan jelas menerima Terma tersebut secara keseluruhannya.
12. Segala keputusan yang buat oleh Bank berhubung dengan Tawaran ini adalah muktamad dan sebarang tuntutan berkenaan dengannya tidak akan dilayan. Sebarang perkara yang tidak dirangkumi oleh Terma akan ditentukan oleh Bank menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya.
13. Bank berhak meminda, mengeluarkan atau menambah Terma yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagiannya menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya. Untuk mendapatkan versi terkini Terma tersebut, sila layari <https://www.alliancebank.com.my/eservices/alliance-bizsmart> dari semasa ke semasa.
14. Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan korupsi yang dikenakan terhadap Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpanan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
15. Dengan memohon untuk mendapatkan produk ini, pelanggan dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan polisi antirasuah dan korupsi Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan berjanji/mengaku janji bahawa pelanggan tidak akan terlibat dalam amalan penyelewengan dalam sebarang cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.
16. Dengan menyertai Tawaran ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju sepenuhnya untuk sentiasa mengakses laman web Bank untuk menyemak Terma tersebut dan untuk memastikan bahawa mereka mengambil maklum sebarang perubahan yang dibuat terhadap Terma tersebut.
17. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatian dan pengantungan Tawaran ini tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang dan segala kerugian atau kerosakan sekalipun yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan oleh pembatalan, penamatian atau pengantungan tersebut (sama ada secara langsung atau tidak langsung).
18. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa juga cara berhubung dengan sebarang bentuk tuntutan, kerugian dan/atau kerosakan yang timbul

atau dialami dalam apa juga cara oleh Pelanggan yang Layak dan pihak lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Tawaran ini.